

TRS perluas operasi di India

Jalin kerjasama dengan You Telecom India pasang kelengkapan WiFi

>>Oleh Mohd Husni Mohd Noor

mhusni@hmetro.com.my

THE Red Snapper (M) Sdn Bhd (TRS), syarikat penyedia kemudahan Internet tanpa wayar (WiFi) tempatan akan memperluaskan operasinya di India bermula tahun ini menerusi kerjasama dengan sebuah syarikat penyedia perkhidmatan Internet (ISP) di negara itu.

Menerusi kerjasama itu, TRS akan melaksanakan projek WiFi bersama dengan You Telecom India Pte Ltd (You Telecom) yang berpangkalan di Mumbai membabitkan kepentingan 50:50.

Pengerusi Eksekutif TRS, Rais Hussin Mohamed Ariff, berkata projek itu akan diuruskan syarikat usaha sama yang dikenali sebagai YouSnapper India Pte Ltd (YouSnapper).

Beliau berkata, buat masa



RAIS...kos RM19 juta

ini, fasa pertama projek itu mula dilaksanakan di dua bandar iaitu di Mumbai dan Thane sebelum di perluas ke Pune.

"Ia membabitkan pemasangan kelengkapan WiFi di 20

bangunan di Mumbai daripada keseluruhan 500 stesen yang akan dibangunkan dalam tempoh enam hingga tujuh bulan akan datang.

"Selain itu, YouSnapper juga berpeluang memasang akses jalur lebar pada rangkaian YouTelecom sedia ada terutama di Mumbai," katanya pada sidang media di Kuala Lumpur semalam.

Katanya, pembangunan bagi fasa pertama projek itu dijangka menelan kos AS\$6 juta (RM19 juta) bagi tempoh dua tahun dan ia dikongsi sama rata antara TRS dan YouTelecom.

Rais berkata, pihaknya juga sedang berbincang dengan beberapa rakan niaga di Asia Barat bagi memperluas perkhidmatan sama di rantau itu.

"Kami menjangka, usaha penerokaan perniagaan luar negara dan tempatan tahun ini akan menyumbang kepada pertumbuhan penda-

patan 171 peratus kepada RM33.1 juta bagi tahun 2009 berbanding RM12.2 juta yang disasarkan tahun ini," katanya.

Sebelum ini, TRS terbabit menyediakan perkhidmatan WiFi di Perak dan Melaka bermula tahun lalu.

Katanya, kejayaan model perkhidmatan WiFi di kedua-dua negeri itu akan membantu syarikat memperluas projek pembangunan itu ke beberapa buah negeri pada masa depan.

"Dengan kepercayaan yang diberikan oleh kedua kerajaan negeri sebelum ini, kami yakin perkhidmatan WiFi ini akan diterima dengan baik di semua negeri berdasarkan teknologi kelengkapan yang kami sediakan selain menjimatkan kos," katanya.

TRS adalah syarikat inisiatif Perbadanan Pembangunan Ekonomi Perak (SEDC).